

Sabtu

DITERBIT SEJAK 1957

BERITA HARIAN

50 TAHUN MENGISI KEMERDEKAAN

26 Januari 2008
7 Muharam 1429
E-mel:
bhnews@bharian.com.my
Tel:03-22822323
Fax:03-22822425
BH PILIH 1A 26 emel

BERITA HARIAN

EKONOMI

24

SABTU
26 JANUARI
2008

ECER tapak pengeluaran stem cell

WILAYAH Ekonomi Pantai Timur (ECER) akan menjadi tapak kemudahan pengeluaran stem cell terbesar dunia dengan keputusan Pertubuhan Penyelidikan Bio-Cellular (BCRO) yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) untuk menubuhkan operasinya di Pahang.

Memorandum persefahaman (MoU) bagi penubuhan kemudahan itu akan dimeterai oleh BCRO Stem Cell Xenotransplantation Sdn Bhd dengan Pahang Technology Resources Sdn Bhd pada Isnin ini.

Ia akan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

FAKTA NOMBOR

Pertubuhan Penyelidikan
Bio-Cellular

RM280j

Kos disasarkan

3 tahun

Pindah kepakaran teknikal ke ECER

Sekretariat ECER dalam kenyataannya di Kuala Lumpur semalam, berkata BCRO, firma penyelidik terkenal dalam pemindahan stem cell sejak hampir tiga dekad lalu akan akan menubuhkan kilang pengeluaran utamanya di daerah Janda Baik, Pahang.

Kilang sedia ada BCRO ialah di Slovakia.

"BCRO mensasarkan kira-kira RM280 juta untuk tempoh tiga tahun bagi memindahkan kepakaran teknikal oleh saintisnya daripada AS dan Kesatuan Eropah," kata kenyataan ECER itu.

BCRO ketika ini membekalkan pemindahan stem cell kepada doktor

dan hospital di Amerika Utara, Amerika Selatan, Eropah, Afrika, Asia dan Australia.

Ia sudah merawat 200 pesakit di Asia Tenggara, Hong Kong dan Australia, termasuk kira-kira 100 kes di Malaysia sejak dua setengah tahun lalu.

Pemindahan stem cell mula diperkenalkan dalam amalan merawat pesakit pada 1931 dan sejak itu sudah menggantikan pemindahan organ.

Ia berpotensi mendominasi pasaran perubatan pada abad ke-21 ini.

Rawatan Stem cell mempunyai potensi untuk mengubah keadaan penyakit manusia, sekali gus mengurangkan kesengsaraan.